

1974

JOHOR BAHRU, 10 NOV. (BERNAMA) -- PARA PELAJAR HARI INI DIINGATKAN, TINDAKAN LIAR SEPERTI MENUNJUK PERASAAN TANPA PERATURAN TERTENTU, AKAN HANYA MERRUGIKAN DIRI MEREKA SENDIRI DAN MENJADI HALANGAN BAGI KEMAJUAN MASA DEPAN MEREKA.

MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMED BERKATA, SEGALA MASAALAH PERSEKOLAHAN YANG DIHADAPI OLEH MURID-MURID BOLEH DISELESAIKAN MENERUSI SALURAN YANG TERTENTU SEPERTI PERSATUAN IBUBAPA DAN GURU.

BERUCAP KEPADA PELAJAR-PELAJAR SEKOLAH TUN FATIMAH DI SINI BELIAU BERKATA, PARA PELAJAR HARUS MENUNJUKKAN SIFAT-SIFAT TANGGUNGJAWAB DISETIAP MASA DAN MEREKA MESTILAH MENUMPUKAN SEPENUH PERHATIAN KEPADA PELAJARAN.

+PARA PELAJAR MESTILAH BERDISIPLIN DALAM SEGALA KEGIATAN DAN MEREKA HENDAKLAH MEMATUHI SEGALA PERATURAN YANG DITETAPKAN.+

DR. MAHATHIR TELAH JUGA MELAWAT SEKOLAH MENENGAH VOKESYENAL DAN SEKOLAH MENENGAH RENDAH MAJIDI DALAM RANGKA LAWATAN- NYA KE SINI HARI INI.

BELIAU DIIRINGI OLEH KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PELAJARAN, ENCIK KADIR TALIB DAN PENGARAH PELAJARAN JOHOR, ENCIK AHMAD HAJI SALLEH.

DR. MAHATHIR TELAH MENGADAP SULTAN JOHOR DAN MENGUNJUNGI MENTERI BESAR, DATO' HAJI OTHMAN SAAT PAGI TADI.

— BERNAMA 1500/ZCM